

Masa sesuai bangun industri jagung tempatan

TAHUKAH anda dalam setiap hidangan sepinggan nasi yang kita makan yang berlauk seketul daging ayam, kos jagung dalam ayam tersebut lebih mahal berbanding nasi tersebut.

“Apabila kita makan nasi dengan seketul ayam tadi, katalah kos nasi RM1 atau RM 1.50, kos ayam adalah RM4. Kira-kira 50 peratus daripada kos ayam tersebut sebenarnya adalah melibatkan makanannya iaitu jagung bijian,” ujar Prof Ghizan Saleh.

Kes itu membuktikan, harga jagung bijian dalam seketul daging ayam tersebut (RM2) adalah lebih mahal berbanding kos nasi (antara RM1 dan RM1.50).

Justeru beliau berharap, dengan harga jagung bijian yang mahal itu, kerajaan wajar membantu industri tersebut yang memerlukan insentif untuk terus berkembang.

Menerusi pendekatan tersebut, masalah tanaman jagung dapat diselesaikan meskipun tidak melibatkan keseluruhan masalah yang dihadapi.

Dr. Ghizan berkata, sekiranya hasrat kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu



FAKTA PENANAMAN JAGUNG

✓ Sesuai pada **pH** tanah antara **5.5** hingga **6.5**

✓ Sangat sesuai pada **tanah lom berpasir**

✓ Jagung **tidak tahan** dengan **kekeringan** selama **tiga hari** berturut-turut, pertumbuhan akan terjejas

✓ **Sensitif** kepada **air** yang **lebih**. Jika terendam selama **tiga hari jagung mati**.

mengurangkan nilai import jagung kira-kira 10 peratus daripada RM4 bilion setahun maka nilainya bersamaan dengan RM400 juta.

Kata beliau, untuk memenuhi hasrat ini, berdasarkan hasil pengeluaran 10 tan sehektar daripada penanaman dua kali setahun, dan berdasarkan harga pasaran RM1,000 setiap

tan jagung bijian, negara memerlukan tanah yang sesuai sebanyak 20,000 hektar bagi penanaman jagung bijian.

Berkongsi lebih lanjut beliau berkata, selain insentif harga, kerajaan juga perlu memastikan penggunaan jentera berteknologi tinggi digunakan pada semua peringkat penanaman hingga pemprosesan.

Bagi memudahkan penggunaan jentera berteknologi tinggi digunakan, kawasan penanaman perlu luas dan sekiranya ia terlalu kecil, tindakan mengelompokkan kawasan wajar dilakukan dan hasil juga mudah dituai. Jagung bijian juga sesuai ditanam di musim perantaraan antara dua musim penanaman padi.

“Berdasarkan kiraan saya, tanpa apa-apa bantuan insentif, pada kos pengeluaran masa kini, seorang pengusaha perlu memperoleh hasil tuaian minimum lapan tan sehektar bagi mengekalkan keuntungan daripada usaha penanamannya, ujarnya lagi.

Walau bagaimanapun, banyak faktor penentu lain yang mempengaruhi, seperti keluasan tanah bersaiz ekonomi yang digunakan serta harga pasaran.